

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(V)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM  
YB. JOSEPH NG SOON SIANG**

19. Bagaimanakah cara pemilihan atlet untuk mewakili negeri bagi acara peringkat kebangsaan dilakukan?
- (a) Bagaimanakah untuk memastikan atlet yang terbaik dipilih mengikut kaedah-kaedah yang telah dipersetujui dan bukannya mereka yang ada pertalian dengan sesiapa yang dipilih?.

**YB. SOON LIP CHEE  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Pemilihan atlet untuk mewakili pasukan negeri ke kejohanan peringkat kebangsaan anjuran persatuan sukan kebangsaan adalah di bawah persatuan sukan negeri. Kerajaan Negeri tidak terlibat dalam pemilihan atlet untuk mewakili negeri.

Walau bagaimanapun jika kejohanan sukan di peringkat kebangsaan itu dianjurkan oleh Majlis Sukan Negara atau Kementerian Belia dan Sukan serta lain-lain agensi kerajaan seperti Sukan Malaysia (SUKMA) yang diadakan secara dwi tahunan, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) mempunyai kata putus dalam penyediaan pasukan termasuk pemilihan atlet. Pihak MSNPP akan berbincang dengan persatuan sukan yang terlibat untuk menyediakan pelan jangkamasa pendek dan panjang untuk persiapan pasukan menghadapi temasya SUKMA.

Beberapa kriteria telah ditetapkan hasil persetujuan persatuan sukan yang terlibat bagi memastikan atlet yang terpilih adalah layak dan telah mencapai tahap untuk bersaing di temasya SUKMA nanti.

Antara kriteria yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:-

- (a) Menetapkan syarat kelayakan minimum bagi atlet mewakili Negeri Pulau Pinang ke temasya SUKMA;
- (b) Menjalankan penilaian prestasi seseorang atlet/pasukan semasa kejohanan yang disertai yang sama taraf atau melebihi standard SUKMA;
- (c) Menjalankan latihan bagi atlet yang terpilih di bawah program MSNPP atau Majlis Sukan Negara serta program Persatuan Sukan Kebangsaan;
- (d) Melepassi ujian kecerdasan yang dijalankan oleh Institut Sukan Negara (ISN);
- (e) Mencapai tahap disiplin yang ditentukan oleh jurulatih; dan
- (f) Mendapat persetujuan ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kerja SUKMA bagi atlet yang melepassi syarat kelayakan sebagai rekod. Ahli-ahli jawatankuasa dianggotai oleh Pengarah MSNPP, Ketua Unit Pembangunan Sukan MSNPP, Pegawai Sukan yang bertanggungjawab terhadap sukan berkenaan, wakil dari Unit Sukan Prestasi Tinggi (USPTN) Majlis Sukan Negara Malaysia, wakil dari Institut Sukan Negara (ISN), jurulatih sukan berkenaan dan wakil dari Persatuan Sukan yang terlibat.

Selain itu, bagi atlet yang dicadangkan oleh jurulatih, mereka perlu memenuhi kriteria atau syarat kelayakan yang telah ditetapkan dan senarai atlet akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja SUKMA untuk mendapatkan

persetujuan dan pengesahan daripada ahli mesyuarat sebelum seseorang dapat mewakili Pulau Pinang di temasya SUKMA.

Kerajaan Negeri melalui MSNPP akan memastikan atlet yang berkelayakan sahaja dapat dipilih bagi menjaga kualiti Kontinjen Pulau Pinang di temasya SUKMA kelak.